

1

Ekonomi Malaysia Pada Tahun 1995 Dan Prospek Bagi Tahun 1996

Ekonomi Malaysia pada tahun 1995

Tinjauan keseluruhan

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dalam tujuh tahun yang lalu telah berterusan dalam tahun 1995, dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 9.6% (1994: 9.2%). Pertumbuhan yang kukuh ini dicapai dengan mengekalkan kadar inflasi yang rendah dan kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan yang kukuh. Kekukuhan pertumbuhan pada tahun 1995 disokong oleh peningkatan yang ketara dalam perbelanjaan dalam negeri serta permintaan luar negeri. Pengeluaran benar meningkat dengan ketara pada tahun 1995 kerana disokong oleh pertumbuhan permintaan agregat yang kukuh dan didorong oleh peningkatan kapasiti pengeluaran, khususnya dalam sektor perkilangan berikutan perkembangan pembentukan modal pada tahun-tahun kebelakangan ini. Sektor pembinaan dan sektor perkilangan terus mencatatkan peningkatan nilai ditambah pada kadar dua digit, manakala pengeluaran sektor perkhidmatan meningkat selaras dengan pertumbuhan purata ekonomi. Pengeluaran pertanian melambung naik pada tahun 1995, didorong oleh kekukuhan harga minyak kelapa sawit dan getah. Sektor perlombongan juga menunjukkan peningkatan dalam pertumbuhan pengeluaran disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas yang lebih tinggi.

Pertumbuhan pengeluaran yang tinggi telah menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan daripada pertambahan tenaga buruh. Akibatnya, pasaran buruh terus ketat. Pengeluaran yang meningkat dan peluang pekerjaan yang lebih baik, disamping peningkatan harga dan upah yang sederhana, menyebabkan Keluarga Negara Kasar

(KNK) dijangka meningkat sebanyak 14.8% kepada RM202.4 bilion pada tahun 1995. Pendapatan per kapita penduduk dijangka meningkat sebanyak 12.2% kepada RM10,068. Dari segi pariti kuasa beli, pendapatan per kapita dijangka pada AS\$11,328 pada tahun 1995, meningkat sebanyak 14.2% jika dibandingkan dengan tahun 1994.

Peningkatan yang ketara dalam pendapatan bolehguna, prospek gunatenaga yang cerah dan aliran masuk pelancong-pelancong telah menyebabkan penggunaan swasta meningkat dengan pesat. Petunjuk-petunjuk penggunaan yang berkaitan dengan barang-barang tahan lama telah meningkat dengan kadar dua digit dalam tujuh bulan pertama tahun 1995. Peningkatan penggunaan telah mendorong tekanan harga dan melemahkan kadar pertambahan tabungan. Perbelanjaan modal oleh sektor swasta dan awam terus kukuh, mencapai kadar peningkatan sebanyak dua digit. Perbelanjaan modal swasta yang tinggi adalah disebabkan oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan mengambil kesempatan daripada elaun pelaburan semula yang lebih tinggi yang disediakan oleh Kerajaan untuk industri berskala besar berkuatkuasa 1 Januari 1994. Perbelanjaan modal yang besar yang dilakukan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC), bagi mempertingkatkan kelengkapannya untuk menambah pendapatan eksport negara daripada perkhidmatan, dan perlaksanaan projek-projek raksaksa untuk mengurangkan kekangan infrastruktur juga menyebabkan peningkatan yang ketara dalam pembentukan modal tetap. Hasilnya, permintaan dalam negeri termasuk perbelanjaan modal oleh pelabur-pelabur asing dijangka meningkat sebanyak 17.7% kepada RM220.9 bilion dalam nilai nominal. Ini merupakan lebihan sebanyak RM18.5 bilion dari pendapatan negara. Walau bagaimanapun, jika tidak termasuk perbelanjaan modal yang telah dibiayai oleh

pelabur-pelabur asing, negara masih lagi mencatatkan lebihan sumber sebanyak RM1.7 bilion. Lebihan ini masih tercapai walaupun pembentukan modal dan penggunaan dalam negara oleh rakyat Malaysia pada tahun 1995 telah meningkat. Namun begitu, setelah diambilkira aliran keluar modal jangka panjang, masih terdapat kekurangan sumber sebanyak RM3.3 bilion, yang dibiayai sepenuhnya melalui pinjaman bersih luar negeri, terutamanya oleh sebilangan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK).

Peningkatan perbelanjaan modal telah menyebabkan peningkatan dalam import barangan modal. Eksport barangan perkilangan yang tinggi juga menyebabkan peningkatan yang ketara dalam import barangan perantaraan. Import barangan modal dan perantaraan untuk tujuan produktif merupakan 86% daripada jumlah import negara pada tahun 1995. Sebagai akibatnya, import dagangan meningkat lebih pantas daripada eksport, sungguhpun eksport, terutamanya barangan perkilangan, kekal rancak. Oleh itu, akaun dagangan imbalan pembayaran mencatatkan defisit yang kecil pada tahun 1995, kali pertama sejak tahun 1982. Walaupun terimaan daripada eksport perkhidmatan seperti perkapalan dan insurans, perlancongan, pengangkutan udara dan perkhidmatan rundingcara dijangka meningkat pada tahun 1995, pembayaran kepada orang-orang asing untuk berbagai perkhidmatan masih lagi besar disebabkan oleh kekurangan keupayaan sektor perkhidmatan di Malaysia untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa dan untuk menggantikan perkhidmatan-perkhidmatan yang diimport. Dengan pembayaran bersih ke atas pendapatan pelaburan terus meningkat disebabkan oleh pelaburan asing yang bertambah di dalam negara, defisit akaun perkhidmatan dijangka meningkat kepada RM18 bilion pada tahun 1995. Selaras dengan defisit dalam akaun dagangan, defisit dalam akaun semasa dijangka semakin membesar kepada RM18.1 bilion (9% daripada KNK), daripada RM11 bilion (6.2% daripada KNK) pada tahun 1994. Walaupun begitu, defisit akaun semasa terus kekal dibiayai sepenuhnya daripada pendapatan tertanggung dan pelaburan baru oleh syarikat-syarikat asing yang dijangka melebihi RM20 bilion, yang lebih daripada mencukupi untuk membiayai defisit akaun semasa. Walau bagaimanapun, selepas mengambilkira pelaburan sektor swasta Malaysia di luar negeri sebanyak RM5.4 bilion,

aliran masuk modal korporat bersih berjumlah RM14.8 bilion, cukup untuk membiayai 82% daripada defisit akaun semasa. Baki sebanyak 18% defisit akaun semasa dibiayai secukupnya oleh pinjaman bersih luar negeri sebanyak RM3.7 bilion terutamanya oleh PABK. Oleh itu, imbalan asas, yang menjadi ukuran penting kepada asas kukuh imbalan pembayaran negara, terus mencatatkan lebihan, walaupun lebih rendah daripada tahun 1994.

Meskipun pertumbuhan ekonomi adalah kukuh dan peningkatan permintaan dalam negeri ketara, inflasi seperti digambarkan dari peningkatan Indeks Harga Pengguna (IHP), semakin berkurangan pada kadar purata 3.4% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1995 (1994: 3.7%). Ini disebabkan kenaikan permintaan dalam negeri dapat ditampung oleh import. Harga import secara keseluruhannya adalah stabil berikutan nilai ringgit yang kukuh serta inflasi yang rendah di negara-negara yang menjadi rakan dagangan Malaysia.

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh membolehkan hasil Kerajaan Persekutuan meningkat walaupun pemotongan cukai telah diumumkan dalam Belanjawan tahun 1995 yang boleh menyebabkan hasil merosot sebanyak RM2 bilion. Walaupun peruntukan untuk perbelanjaan operasi meningkat, terutamanya untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan penting seperti pendidikan dan kesihatan serta penyelenggaraan, akaun semasa mencatatkan lebihan yang agak besar iaitu dijangka sebanyak RM11.7 bilion. Ini lebih daripada mencukupi untuk membiayai perbelanjaan pembangunan bersih yang berjumlah RM11.5 bilion. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat belanjawan berimbang untuk tiga tahun berturut-turut.

Prestasi Mengikut Sektor

Pertumbuhan pengeluaran **sektor perkilangan** terus kukuh pada tahun 1995, dengan nilai ditambah dijangka meningkat sebanyak 14.7% (1994: 14.7%). Pesanan belian yang kukuh telah mendorong kedua-dua industri yang berorientasikan pasaran dalam negeri dan pasaran eksport meningkatkan pengeluaran. Tahap pengeluaran yang tinggi adalah berikutan pembentukan modal dalam tahun-tahun kebelakangan ini yang telah meningkatkan keupayaan pengeluaran. Di antara industri-industri

yang berorientasikan pasaran dalam negeri yang menunjukkan prestasi pengeluaran yang kukuh secara bandingan ialah industri yang mengeluarkan peralatan pengangkutan, kimia dan keluaran kimia dan keluaran logam yang direka. Bagi industri yang berorientasikan eksport, peningkatan yang ketara dicatatkan oleh industri elektrik dan elektronik serta tekstil. Dengan pengeluaran sektor perkilangan terus melebihi pertumbuhan pengeluaran purata dalam ekonomi, sumbangannya kepada KDNK dijangka meningkat kepada 33.1% pada tahun 1995 (1994: 31.6%).

Prestasi pengeluaran **sektor pertanian** dijangka pulih daripada kemerosotan sebanyak 1% pada tahun 1994 kepada pertumbuhan sebanyak 4.2% pada tahun 1995, terutamanya disebabkan oleh pengeluaran minyak kelapa sawit dan getah yang lebih tinggi. Pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka meningkat sebanyak 8.7% disebabkan pemulihan daripada keadaan melawas. Kekukuhan harga getah telah menggalakkan kegiatan menoreh pokok getah. Ini mendorong pengeluaran getah dijangka meningkat sebanyak 9.4% pada tahun ini. Disebabkan oleh pertumbuhan sektor pertanian yang perlahan secara perbandingan, sumbangan sektor ini kepada keseluruhan KDNK dijangka merosot kepada 13.9% pada tahun 1995, daripada 14.6% pada tahun 1994.

Sektor perlombongan dijangka mencatatkan pertumbuhan pengeluaran sebanyak 7.4% pada tahun 1995, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 2.5% pada tahun 1994. Pertumbuhan pengeluaran yang lebih tinggi ini disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah, gas asli dan kuari yang meningkat. Pengeluaran minyak mentah bagi tahun 1995 dijangka 694,300 tong sehari, meningkat sebanyak 5.2% berbanding dengan tahun 1994. Pengeluaran yang tinggi ini disebabkan oleh pengeluaran telaga minyak yang baru di persisiran Sarawak. Pengeluaran kuari juga dijangka meningkat pada tahun 1995 untuk memenuhi permintaan agregat yang meningkat daripada sektor pembinaan.

Pembinaan yang pesat dalam sektor perumahan dan harta-harta komersial, perlaksanaan projek-projek infrastruktur raksaksa seperti Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC), Transit Aliran Ringan (LRT), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Perkampungan Sukan Komanwel serta perlaksanaan skim perumahan

kos rendah dijangka akan meningkatkan nilai ditambah dalam **sektor pembinaan** sebanyak 15.2% pada tahun 1995. Pertumbuhan yang kukuh dalam sektor ini telah menyebabkan kekurangan penawaran bahan-bahan pembinaan, khususnya penawaran simen. Untuk mengurangkan kekangan penawaran, Kerajaan telah meluluskan kenaikan harga simen sebanyak 10% untuk menggalakkan perkembangan kapasiti pengeluaran dalam negeri dan import. Pada masa yang sama, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengimport simen untuk memenuhi keperluan projek-projek raksaksa yang telah dianjurkan oleh Kerajaan.

Kekukuhan permintaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan daripada sektor-sektor dalam ekonomi serta meningkatnya kapasiti dijangka membolehkan peningkatan sebanyak 8.9% dalam pengeluaran **sektor perkhidmatan** pada tahun 1995 (1994: 9.7%). Peningkatan pelaburan modal khususnya dalam telekomunikasi, keretapi, penerbangan dan perkapalan serta program-program pembesaran pelabuhan-pelabuhan dalam negara yang sedang dilaksanakan dijangka membolehkan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan meningkat sebanyak 13%. Begitu juga, nilai ditambah elektrik, gas dan air dijangka meningkat sebanyak 14%, untuk memenuhi permintaan yang meningkat berikutan meningkatnya keupayaan pengeluaran. Sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka mencatatkan peningkatan nilai ditambah sebanyak 9%, memandangkan jumlah perdagangan dalam negeri yang tinggi dan kemasukan para pelancong yang meningkat. Permintaan yang kukuh untuk perkhidmatan kewangan, insurans, estet dan perkhidmatan perniagaan juga dijangka meningkatkan nilai ditambah daripada sektor kecil ini. Pertumbuhan dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan dijangka berkurangan dengan sederhana kepada sebanyak 4%, disebabkan oleh penswastan yang sedang dilaksanakan dan kawalan belanjawan berterusan. Sektor perkhidmatan di Malaysia masih lagi berorientasikan pasaran dalam negeri dan pertumbuhannya banyak bergantung kepada pertumbuhan sektor-sektor lain dalam ekonomi. Akibatnya, pertumbuhannya masih selaras dengan pertumbuhan purata KDNK benar. Oleh itu, sumbangannya kepada KDNK benar terus stabil pada 44%.

Perbelanjaan Dalam Negeri

Perbelanjaan sektor swasta dalam harga semasa dijangka meningkat sebanyak 18.8% (15.2% pada tahun 1994), disokong oleh keyakinan perniagaan dan pengguna. **Penggunaan swasta** dijangka meningkat sebanyak 17.7% pada tahun 1995 (10.9% pada tahun 1994), disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna, prospek peluang pekerjaan yang baik dan kemasukan para pelancong. Peningkatan perbelanjaan penggunaan swasta adalah dicerminkan oleh peningkatan ketara jualan barangan tahan lama, seperti peti sejuk isi rumah, televisyen, motorsikal dan kereta penumpang, yang mencatatkan peningkatan dalam lingkungan 14.5% bagi peti sejuk isi rumah hingga 77.4% bagi kereta penumpang dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995.

Peningkatan sebanyak 66.9% dalam pelaburan yang diluluskan untuk sektor perkilangan pada tahun 1994, berikutan peningkatan elaun pelaburan semula daripada 40% kepada 50% dan had masa galakan ini yang tidak ditetapkan, dijangka akan mendorong pertumbuhan pelaburan sektor swasta pada tahun 1995. **Pelaburan modal langsung asing** dijangka meningkat sebanyak 26% daripada RM16 bilion pada tahun 1994 kepada RM20.2 bilion pada tahun 1995. Oleh itu, pelaburan agregat sektor swasta dijangka meningkat sebanyak 20.9% pada tahun 1995 (24.8% pada tahun 1994) kepada RM56.6 bilion. Kadar pertumbuhan yang lebih perlahan ini terutamanya disebabkan oleh kadar peningkatan pelaburan swasta yang lebih rendah dalam sektor minyak dan gas sebanyak 11.4% kepada RM9 bilion pada tahun 1995 (31.8% pada tahun 1994). Perbelanjaan modal ke atas aktiviti hulu dijangka meningkat dengan lebih perlahan sebanyak 10.2%, terutamanya untuk memperolehi data seismik sepanjang 24,000 km dan menggerudi 22 telaga minyak sepanjang tempoh 1995-96. Pelaburan dalam aktiviti-aktiviti hiliran untuk menaikkan taraf kemudahan penapisan dan meningkatkan rangkaian pengagihan yang sedia ada dianggar meningkat sebanyak 29.3% (35.9% pada tahun 1994). Pelaburan swasta dalam sektor bukan minyak meningkat sebanyak 22.9% pada tahun 1995 (23.4% pada tahun 1994) kepada RM47.5 bilion, didorong oleh insentif elaun pelaburan semula yang lebih baik, kekangan pengeluaran serta permintaan dalam negeri dan pesanan luar negeri yang menggalakkan.

Kadar pertumbuhan **pelaburan awam** dijangka perlahan pada tahun 1995, daripada 24.2% pada tahun 1994 kepada 17.1%. Kadar pertumbuhan yang lebih rendah ini disebabkan oleh pertumbuhan perbelanjaan pembangunan oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) yang lebih perlahan kepada 20.1%, selepas mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 45.6% pada tahun 1994. Walau bagaimanapun, pelaburan oleh PABK terus besar sebanyak RM15.4 bilion, merupakan kira-kira 56% daripada jumlah pelaburan sektor awam. Kebanyakan pelaburan PABK ini adalah untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam. Pelaburan oleh Kerajaan Persekutuan, yang dijangka meningkat sebanyak 5% pada tahun 1995, kekal untuk projek-projek infrastruktur dan pembangunan sumber manusia untuk menangani kekangan infrastruktur serta menghasilkan lebih ramai tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan negara.


Penggunaan awam dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 8.5% pada tahun 1995 berbanding dengan 10.8% pada tahun 1994. Pertumbuhan dalam perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan dijangka menurun kepada 10.2%, selepas mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 16.9% pada tahun 1994. Peningkatan ini adalah untuk membiayai program penyelenggaraan khususnya untuk jalan raya, hospital, sekolah dan lain-lain bangunan kerajaan. Perbelanjaan emolumen dijangka meningkat sebanyak 7.2% terutamanya untuk memenuhi keperluan kakitangan dalam sektor kritikal, khususnya perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.

Dengan jangkaan pertumbuhan yang lebih pesat bagi perbelanjaan penggunaan dan pembentukan modal yang terus kukuh, jumlah permintaan dalam negeri dijangka meningkat pesat sebanyak 17.7% kepada RM221 bilion (termasuk perubahan dalam stok). Peningkatan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan 16.4% yang dicatatkan pada tahun 1994.

Permintaan Luar Negeri

Dengan perkembangan perdagangan secepat yang menggalakkan dan kapasiti pengeluaran yang berkembang, **eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dijangka meningkat sebanyak 22.5% pada tahun 1995, selepas

Carta 1.1 Petunjuk- Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Pada akhir Mac, Jun, September dan Disember termasuk Perjanjian Pembelian Semula (kecuali bagi tahun 1995, iaitu pada akhir bulan Mac dan Julai).

2/ Malaysia (1994 - tahun asas)

mencatatkan pertumbuhan tinggi sebanyak 25.7% pada tahun 1994. Eksport dagangan dijangka berkembang pesat iaitu sebanyak 21.8% (25.4% pada tahun 1994) kepada RM180.9 bilion, disokong oleh eksport barangan perkilangan dan komoditi utama yang lebih tinggi. Eksport barangan perkilangan dijangka terus berkembang pesat sebanyak 24%, disebabkan pesanan luar negeri yang tinggi dan keupayaan pengeluaran yang bertambah berikutan tahap pembentukan modal dalam sektor perkilangan yang tinggi pada tahun-tahun kebelakangan ini. Eksport komoditi pertanian dijangka meningkat sebanyak 11.3% (18% pada tahun 1994) dengan peningkatan eksport getah sebanyak 43% dan minyak kelapa sawit sebanyak 15% disebabkan harga yang mantap. Pada masa yang sama, pendapatan eksport sektor perlombongan dijangka pulih, mencatatkan peningkatan sebanyak 10% (-15.5% pada tahun 1994) disebabkan oleh harga dan jumlah eksport minyak mentah dan gas asli cecair yang lebih tinggi. Selaras dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh beberapa sektor kecil perkhidmatan, khususnya industri perkapalan dan penerbangan untuk menambah keupayaan bagi memenuhi keperluan pasaran yang meningkat, pendapatan eksport perkhidmatan bukan faktor dijangka meningkat sebanyak 28.4%, kepada RM23.2 bilion.

Dengan permintaan agregat dalam negeri yang dijangka mantap, **import barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dijangka akan meningkat sebanyak 25.4% pada tahun 1995 (27.7% pada tahun 1994). Peningkatan kukuh pembentukan modal oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan serta aktiviti pengeluaran perkilangan yang pesat dijangka akan menyebabkan peningkatan sebanyak 26.5% bagi import barangan pelaburan dan sebanyak 28.8% bagi import barangan perantaraan. Peningkatan ketara import barangan pelaburan ini sebahagiannya disebabkan pelaksanaan pelaburan diluluskan untuk sektor perkilangan pada tahun 1994 berikutan elaun pelaburan semula yang lebih menggalakkan yang disediakan untuk perusahaan besar dalam Belanjawan 1994. Import yang besar, seperti 10 buah kapal terbang Airbus yang bernilai kira-kira RM2.5 bilion yang diimport oleh MAS dan kapal-kapal bernilai RM704 juta yang diimport oleh MISC bertujuan untuk meningkatkan keupayaan industri penerbangan dan perkapalan juga telah menyumbang kepada peningkatan dalam import

barangan pelaburan. Walau bagaimanapun, import-import ini akan membantu memperkembangkan keupayaan pengeluaran jangka panjang dalam ekonomi. Import barangan penggunaan, iaitu sebanyak 13.5% daripada jumlah barangan yang diimport, dijangka meningkat sebanyak 17% berikutan penggunaan swasta yang mantap hasil daripada pendapatan boleh guna yang tinggi. Oleh itu, import dagangan dijangka meningkat sebanyak 26% kepada RM181.4 bilion. Import perkhidmatan bukan faktor dijangka meningkat sebanyak 21.9% kepada RM29.9 bilion, sebahagiannya akibat kekurangan keupayaan sektor perkhidmatan tempatan untuk memenuhi peningkatan permintaan dalam negeri bagi perkhidmatan berkaitan kargo, seperti tambang dan insurans, dan sebahagiannya akibat kecenderungan yang berterusan oleh beberapa sektor ekonomi untuk bergantung kepada perkhidmatan luar negeri. Dengan pertumbuhan import barangan dan perkhidmatan bukan faktor yang lebih pantas daripada eksport, sektor luar dijangka memberi kesan pengucupan kepada pertumbuhan pada tahun 1995.

Imbangan Pembayaran

Dengan pertumbuhan import melebihi eksport, **akaun dagangan** imbangan pembayaran dianggar mencatatkan defisit sebanyak RM0.5 bilion pada tahun 1995, berbanding dengan lebihan sebanyak RM4.6 bilion dicatatkan pada tahun 1994. Ini merupakan kali pertama semenjak tahun 1982 akaun dagangan mencatatkan defisit. Dengan defisit **akaun perkhidmatan** diramal terus besar pada RM18 bilion, defisit **akaun semasa** dijangka terus membesar daripada RM11 bilion (6.2% daripada KNK) pada tahun 1994 kepada RM18.1 bilion (9% daripada KNK) pada tahun 1995.

Defisit akaun semasa adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pelaburan modal oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan, yang telah menyebabkan peningkatan import barangan pelaburan yang ketara. Walau bagaimanapun, defisit ini adalah secukupnya dibiayai oleh aliran masuk modal jangka panjang bersih, yang dianggarkan berjumlah RM18.5 bilion. Aliran masuk kasar pelaburan langsung asing dianggarkan pada RM20.2 bilion, manakala pelaburan luar negeri oleh rakyat Malaysia dianggarkan pada RM5.4 bilion. Oleh itu, aliran masuk pelaburan langsung asing bersih dijangka pada RM14.8 bilion, yang

cukup untuk membiayai kira-kira 82% daripada defisit akaun semasa. Pinjaman luar negeri bersih dianggarkan pada RM3.7 bilion terutamanya diambil oleh PABK. Ini adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai baki defisit akaun semasa iaitu 18%. Justeru itu, imbalan asas dalam imbalan pembayaran dijangka mencatatkan lebih sebanyak RM398 juta.

Dengan imbalan asas mencatatkan lebih, dan selepas mengambil kira aliran keluar bersih **modal jangka pendek** yang dianggarkan pada RM1.6 bilion, jumlah **rizab luar negeri bersih** dipegang oleh Bank Negara Malaysia pada akhir tahun 1995 adalah dianggarkan sebanyak RM67 bilion, iaitu pengurangan sebanyak RM1.2 bilion daripada tahap akhir tahun 1994. Tahap rizab ini adalah bersamaan dengan 4.4 bulan import barangan tertangguh.

Kedudukan Kewangan Sektor Awam

Dasar fiskal berhemat yang bertujuan mengawal ketat perbelanjaan melalui menyuai-saiz sektor awam, pengurusan hutang luar yang ketat dan program penswastaan, serta pertumbuhan ekonomi semasa yang kukuh dijangka membolehkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mencatatkan belanjawan berimbang bagi tahun ketiga berturut-turut pada tahun 1995. Walaupun cukai telah dikurangkan seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 1995, serta sumbangan yang lebih rendah daripada hasil bukan cukai, **hasil Kerajaan Persekutuan** terus meningkat sebanyak 1.9% kepada RM50,380 juta, berbanding peningkatan sebanyak 18.6% pada tahun 1994. **Perbelanjaan pengurus** dijangka meningkat sebanyak 9.2% kepada RM38,292 juta. Pertumbuhan perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi pada tahun 1995 adalah terutamanya disebabkan oleh pelarasan gaji untuk perkhidmatan awam. **Perbelanjaan pembangunan** dijangka berjumlah sebanyak RM12,702 juta atau 12.6% lebih tinggi daripada perbelanjaan pada tahun 1994 berikutan daripada pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Keenam (1991-95) yang meningkat dalam tahun akhir tempoh rancangan tersebut. Dengan terimaan balik pinjaman dijangka sebanyak RM1,200 juta, kedudukan keseluruhan **kewangan Kerajaan Persekutuan** dijangka mencatatkan lebih sebanyak RM586 juta, berbanding dengan lebih sebanyak RM4,408 juta pada tahun 1994.

Sektor awam dijangka sekali lagi mencatatkan **lebih semasa** yang besar berjumlah RM25,155 juta. Ini disebabkan oleh prestasi hasil yang baik yang disokong oleh perkembangan yang pesat dalam kegiatan ekonomi tempatan bagi tempoh tahun 1994 dan 1995. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh perbelanjaan mengurus sektor Kerajaan meningkat lebih pesat berbanding peningkatan hasil, baki akaun semasa sektor kerajaan dijangka merosot sebanyak 20.8% kepada RM14,695 juta pada tahun 1995 berbanding dengan RM18,556 juta pada tahun 1994. Perusahaan Awam Bukan Kewangan pula dijangka mencatatkan lebih mengurus yang besar sebanyak RM10,460 juta pada tahun 1995.

Perbelanjaan pembangunan sektor awam dijangka meningkat sebanyak 28% daripada RM25,460 juta pada tahun 1994 kepada RM32,592 juta pada tahun 1995. Pertambahan ini disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pembangunan oleh PABK yang menyumbang sebanyak 47.2% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam. Perbelanjaan pembangunan yang tinggi adalah untuk membiayai projek-projek seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Projek Gas Semenanjung Ketiga (PGU3) dan loji memproses gas baru, GPP5 dan GPP6 serta pembangunan 500kv talian penghantaran (Fasa 1) daripada Gurun ke Stesen Janakuasa Pelabuhan Kelang. Memandangkan perbelanjaan pembangunan adalah lebih besar daripada lebih mengurus, baki keseluruhan akaun sektor awam yang disatukan dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM7,437 juta atau -3.7% daripada KNK pada tahun 1995, berbanding lebih sebanyak RM3,381 juta atau 1.9% daripada KNK pada tahun 1994.

Kedudukan Sumber Negara

Walaupun pertumbuhan pendapatan negara kekal pada kadar yang tinggi, peningkatan pesat jumlah perbelanjaan penggunaan dijangka mengakibatkan pertumbuhan tabungan negara kasar yang lebih perlahan, daripada 23.1% pada tahun 1994 kepada 12.8% pada tahun 1995. Oleh itu, tabungan negara kasar sebagai peratusan kepada KNK sungguhpun masih tinggi, dianggarkan merosot kepada 33.9% daripada 34.5% pada tahun 1994. Dengan jumlah pelaburan (termasuk

perubahan stok) terus meningkat pada kadar yang pesat (20.8%), jurang tabungan-pelaburan dijangka membesar daripada RM11 bilion (6.2% daripada KNK) pada tahun 1994 kepada RM18.1 bilion (9% daripada KNK) pada tahun 1995. Jurang ini juga menggambarkan kekurangan pendapatan negara untuk membiayai perbelanjaan dalam negeri (termasuk perbelanjaan oleh pelabur-pelabur asing dalam negeri) yang menyelabkan defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran. Jurang sumber ini adalah disebabkan perbelanjaan modal asing dalam negeri yang dibayai secukupnya oleh tabung modal asing langsung. Jumlah tabungan oleh rakyat Malaysia yang dijangka berjumlah RM68.6 bilion, cukup untuk membiayai perbelanjaan modal dalam negeri oleh rakyat Malaysia yang berjumlah RM66.5 bilion. Walau bagaimanapun, selepas mengambil kira pengaliran keluar modal jangka panjang pada tahun 1995, jurang sumber adalah sebanyak RM3.3 bilion yang dapat dibiayai melalui pinjaman luar negeri. Tabungan sektor swasta di Malaysia, termasuk isi rumah, adalah cukup untuk membiayai


pelaburannya sendiri. Walau bagaimanapun, sektor awam dijangka mengalami jurang sumber yang kecil, sebanyak 1.7% daripada KNK disebabkan oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK. Jurang sumber ini adalah dibiayai oleh pinjaman dalam dan luar negeri oleh PABK.

Kecairan dan Kadar Faedah

Teras utama dasar kewangan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 adalah bagi menyokong dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi serta memastikan kecairan yang berlebihan tidak menjadi punca kepada ketidakstabilan. Dasar ini adalah perlu bagi membendung tekanan inflasi yang disebabkan oleh pertumbuhan kukuh permintaan dalam negeri berikutan dengan wujudnya kecairan yang berlebihan. Pengukuhan pertumbuhan ekonomi yang berterusan serta pertambahan permintaan agregat menyebabkan kenaikan jumlah pinjaman bank dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Peningkatan kredit yang kukuh ini menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan bekalan wang, walaupun kesan keseluruhannya dapat diimbangi oleh penguncupan dalam operasi Kerajaan dan sektor luaran.

Bagi menguruskan kecairan dengan berkesan, operasi kecairan Bank Negara Malaysia (BNM) dijalankan melalui kombinasi di antara instrumen-instrumen tradisional dan berasaskan pasaran, termasuk campurtangan secara langsung dalam pasaran wang serta pemusatan lebihan dana Kerajaan dan terbitan bil BNM yang berterusan. Tambahan sebanyak 48 siri terbitan bil BNM telah menyerap sejumlah RM0.5 bilion daripada sistem perbankan di antara Januari hingga Julai 1995. Pada masa yang sama, peningkatan kadar faedah tempatan semenjak Oktober 1994 juga telah berjaya mengurangkan pertumbuhan kredit yang berlebihan, terutamanya untuk penggunaan dan aktiviti-aktiviti yang lebih produktif, serta menggalakkan tabungan.

Kecairan yang berlebihan dalam sistem perbankan ini dapat dilihat menerusi pengembangan agregat kewangan dan pemegangan lebihan aset cair oleh institusi perbankan. Setelah meningkat pada kadar yang perlahan dalam suku pertama tahun ini, kadar pertumbuhan tahunan agregat kewangan, M1 meningkat kepada 14.8%, M2 kepada 18.5% dan M3 kepada 15.5% pada akhir bulan Julai 1995.



Pertumbuhan dalam agregat kewangan lebih luas, M3, adalah terutamanya disebabkan oleh pinjaman kepada sektor swasta. Mencerminkan keadaan ini, pemilikan lebih aset cair institusi-institusi perbankan (iaitu pemilikan yang melebihi keperluan mandatori sebanyak 17% bagi bank perdagangan dan 10% hingga 12.5% bagi syarikat kewangan dan bank saudagar) berjumlah RM1.73 bilion pada akhir bulan Julai 1995, berbanding dengan RM1.78 bilion pada akhir tahun 1994.

Perkembangan kadar faedah tempatan dalam tahun 1995 terus mencerminkan keadaan kecairan yang wujud. Dengan penguncupan kecil dalam kecairan, akibat aliran keluar modal bersih jangka pendek serta pengetatan kewangan yang berterusan, dan kadar faedah antarabangsa yang lebih tinggi pada awal tahun 1995 telah menyebabkan kadar faedah tempatan meningkat sepanjang empat bulan pertama tahun 1995, iaitu sebelum ia mengalami kejatuhan kecil akibat kedudukan kecairan yang lebih longgar dan kadar faedah antarabangsa yang mula mengalami kejatuhan. Berikutan daripada ini, kadar purata harian berwajaran antara bank meningkat daripada 5.45% setahun pada akhir tahun 1994 kepada 6.04% setahun pada akhir bulan April 1995, sebelum merosot sedikit kepada 5.85% setahun pada akhir bulan Julai 1995. Mencerminkan pergerakan kadar antara bank, mod kadar faedah deposit tetap bagi keseluruhan tempoh matang bank perdagangan meningkat kepada lingkungan 5.70% hingga 6.60% setahun pada akhir bulan Mei 1995, manakala syarikat kewangan pula meningkat kepada lingkungan 5.80% hingga 6.80% setahun. Pada akhir bulan Jun 1995, kadar faedah deposit tetap bank perdagangan bagi tempoh matang yang lebih lama jatuh sedikit kepada lingkungan 6.00% hingga 6.30% setahun. Bagi tempoh matang jangka pendek pula, ia kekal pada lingkungan 5.70% hingga 5.80% setahun. Bagi syarikat kewangan, kadar faedah bagi keseluruhan tempoh matang jatuh kepada lingkungan 5.75% hingga 6.50% setahun pada akhir bulan Jun 1995, dengan kemerosotan berterusan bagi tempoh matang yang lebih lama kepada lingkungan 6.10% hingga 6.40% setahun pada akhir bulan Julai 1995. Semenjak pertengahan bulan ogos 1995, kadar antara bank telah meningkat, mencerminkan langkah kewangan ketat yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia dalam menghadapi peningkatan ketara yang berterusan dalam pengembangan kredit dan peningkatan petunjuk-petunjuk utama yang lain.

Harga Pengguna

Dasar fiskal berhemat, dasar kewangan yang ketat, langkah-langkah pentadbiran serta langkah menambah bekalan telah berjaya mengawal kadar inflasi pada tahun 1995. Kenaikan Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah sederhana dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1995 iaitu sebanyak 3.4% berbanding dengan kenaikan sebanyak 3.7% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Kenaikan yang sederhana dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1995 ini disebabkan oleh kenaikan yang perlahan bagi indeks kecil makanan; minuman dan tembakau; dan pengangkutan dan perhubungan. Walau bagaimanapun, indeks kecil bagi sewa kasar, bahan api dan kuasa; perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah; serta perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan telah meningkat sederhana. Umumnya, kenaikan harga barang tahan lama telah berkurang dalam sembilan bulan pertama tahun 1995, selepas meningkat kukuh dalam tempoh yang sama tahun 1994. Walau bagaimanapun, indeks kecil bagi barang tidak tahan lama dan perkhidmatan telah meningkat sederhana. IHP bagi makanan yang menyumbangkan kira-kira 34.9% daripada jumlah wajaran telah meningkat sebanyak 4.8%, dengan IHP bagi makanan di rumah mencatatkan kenaikan sebanyak 5.2% dan IHP makanan di luar rumah mencatatkan kenaikan sebanyak 3.8%. Harga ikan; minyak dan lemak; dan buah-buahan dan sayur-sayuran telah meningkat ketara dalam tempoh berkenaan iaitu masing-masing sebanyak 11.9%, 13.3% dan 8.6%. Berdasarkan kawasan, IHP bagi Semenanjung Malaysia telah meningkat sebanyak 3.6%, Sabah sebanyak 2.7% dan Sarawak sebanyak 2.3% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1995.

Sungguhpun kadar inflasi di Malaysia (yang dicerminkan oleh kenaikan IHP) secara berbanding rendah mengikut ukuran antarabangsa, kenaikan sebanyak 3.4% adalah tinggi bila dibandingkan dengan kadar inflasi purata sebanyak 2.5% yang telah dicatatkan pada tahun-tahun tanpa krisis minyak semenjak 1960 hinggalah 1994. Pertumbuhan ekonomi yang terus kukuh telah menyebabkan kadar inflasi lebih tinggi sejak akhir-akhir ini berikutan permintaan yang kukuh, tekanan upah dan kekangan bekalan beberapa jenis makanan. Keupayaan ekonomi untuk mempertahankan inflasi yang rendah adalah

kerana keterbukaan ekonomi. Import dagangan yang menyumbangkan kira-kira 90% daripada KNK boleh membantu mengurangkan tekanan bekalan dalam negara dan, dengan itu, mengurangkan tekanan harga secara keseluruhan kecuali bagi yang tidak boleh diimport seperti hartanah. Harga import yang stabil telah membantu mengawal kadar inflasi di negara ini. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, Indeks Harga Pengeluar bagi import telah merosot sebanyak 0.6%. Ringgit yang stabil, pengurangan dan pemansuhan import duti ke atas lebih daripada 2,600 barangan dalam Belanjawan 1995, pelonggaran import serta kadar inflasi yang rendah dikalangan rakan-rakan dagangan utama Malaysia telah membantu menstabilkan harga import.

Bagi tahun 1995 secara keseluruhan, kadar kenaikan IHP dijangka dapat dikawal pada 3.5%, berikutan jangkaan tekanan harga dalam separuh kedua tahun ini berkurangan kerana ketiadaan musim perayaan utama kecuali di bulan Disember. Selain daripada itu, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha gigihnya untuk memerangi inflasi menerusi dasar-dasar ekonomi makro yang bertujuan menguruskan permintaan dalam negeri serta menerusi langkah-langkah pentadbiran untuk mewujudkan amalan perniagaan yang adil serta menanamkan amalan berbelanja yang berhati-hati di kalangan pengguna. Bagi mengurangkan inflasi harta dan kesannya ke atas sewa yang menyumbangkan 16.4% daripada wajaran IHP yang telah meningkat sebanyak 3.5% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1995, baru-baru ini Kerajaan tidak membenarkan warga asing untuk membeli semua jenis rumah teres serta kondominium dan banglo yang berharga kurang daripada RM250,000 seunit. Kemudahan-kemudahan khas telah disediakan oleh Kerajaan seperti 'Tabung Makanan' untuk menggalakkan pengeluaran makanan menerusi kemudahan pembiayaan pinjaman yang murah serta penyediaan bilik-bilik sejuk di beberapa bandar utama untuk mengurangkan pembaziran barangan yang mudah rosak dan mempertingkatkan kecekapan pengagihan makanan juga sepatutnya boleh membantu mengawal kadar inflasi di negara ini.

Guna Tenaga

Dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, permintaan buruh dijangka meningkat sebanyak

2.8%, melebihi pertumbuhan tenaga buruh sebanyak 2.7%. Justeru itu, kadar pengangguran kekal pada paras yang rendah iaitu 2.8%, dengan ekonomi beroperasi pada tahap guna tenaga penuh. Walau bagaimanapun, ketegaran pasaran buruh masih berterusan dengan kebanyakan sektor dalam ekonomi menghadapi kekurangan tenaga buruh. Ini seterusnya telah membawa tekanan ke atas upah. Oleh itu, lebih banyak firma telah beralih proses pengeluaran mereka kepada teknologi yang lebih tinggi serta berintensif modal, yang lebih menjimatkan tenaga buruh dan lebih cekap, dalam mengawal kenaikan kos buruh seunit. Mencerminkan peralihan ke arah proses pengeluaran berteknologi tinggi dan berintensif modal ialah meningkatnya tiga kali ganda dalam nisbah pelaburan modal pembinaan kilang dan jentera bagi setiap pekerja (CIPE) untuk pelaburan perkilangan yang diluluskan sejak tahun 1988 sehingga tahun 1994. Peralihan ke arah CIPE yang lebih tinggi telah disertai dengan kenaikan produktiviti buruh. Bagi memudahkan peralihan ini tenagakerja yang berorientasikan teknologi dan kemahiran perlu disediakan. Dalam konteks ini, Belanjawan tahun 1995 telah memperkenalkan Program Berindak Bersepadu dan juga galakan-galakan cukai bagi meningkatkan lagi pembangunan sumber manusia oleh sektor awam dan swasta. Di samping itu, Kerajaan memutuskan supaya syarat pengambilan tenaga kerja teknikal yang mahir dan profesional dilonggarkan bagi memudahkan peralihan sektor industri ke arah proses teknologi pengeluaran yang lebih tinggi serta pengeluaran barangan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi.

Prospek bagi tahun 1996

Kedudukan ekonomi antarabangsa diramalkan mengalakkan bagi tahun 1996, dengan negara-negara perindustrian dan negara-negara membangun dijangka mengekalkan kadar pertumbuhan keluaran negara masing-masing. Jumlah perdagangan dunia diramalkan berkembang sebanyak 8%. Prospek antarabangsa ini akan mengalakkan momentum kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 1996, khususnya sektor eksport. Walau bagaimanapun, memandangkan beberapa aspek ekonomi akibat pertumbuhan tinggi dalam tempoh lapan tahun berturut-turut perlu ditangani, beberapa dasar tindakan akan diperkenalkan bagi membendung peningkatan penggunaan, mengawal tekanan

inflasi, mempertingkatkan kadar tabungan negara dan memperkukuhkan kedudukan imbalan pembayaran untuk membolehkan ekonomi berkembang secara mampan. Berasaskan kepada pengurangan tahap pelaburan yang diluluskan untuk sektor perkilangan dalam tahun 1995 dan pertumbuhan perlahan dalam pelaburan awam, perkembangan pembentukan modal juga diramalkan perlahan. Oleh demikian, KDNK sebenar dijangka pada tahap 8.5% dalam tahun 1996. Di samping itu, terdapat pemulihan dalam kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran sementara jurang sumber dan tekanan inflasi yang berterusan akan dapat dikawal dan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan terus kukuh. Dengan harga dijangka sederhana dan pertumbuhan keluaran yang perlahan, KNK diramal berkembang pada kadar 12.3% pada harga semasa. Pendapatan per kapita secara nominal dijangka meningkat 9.8% kepada RM11,055 pada tahun 1996.

Prestasi Mengikut Sektor

Tindakan dasar bertujuan untuk membendung penggunaan dan mengalakkan tabungan serta jangkaan peningkatan pembentukan modal yang perlahan akan meningkatkan permintaan dalam negeri dengan sederhana. Ini akan mengurangkan pesanan permintaan jualan dan, oleh itu, pengeluaran sesetengah sektor dalam ekonomi khususnya perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan. Harga sesetengah komoditi yang rendah dalam tahun 1996 khususnya getah serta usaha-usaha untuk mengekalkan tahap pengeluaran minyak mentah dalam tahun 1995 dijangka memberi kesan ke atas pertumbuhan sektor pertanian dan perlombongan.

Sektor **perkilangan** diramalkan mencatat pertumbuhan nilai ditambah sebanyak 13.3%, disebabkan kekukuhan permintaan luar negeri dan pengembangan kapasiti pengeluaran kebelakangan ini. Peningkatan ketara adalah dijangkakan dari pengeluaran industri keluaran logam yang direka, peralatan kenderaan, kimia dan keluaran kimia serta sektor elektronik dan elektrik. Disamping itu, pertumbuhan keluaran sesetengah keluaran pengguna bagi pasaran tempatan berkemungkinan bergerak perlahan dalam tahun 1996. Kesederhanaan permintaan dalam negeri mungkin membolehkan lebih banyak keluaran tempatan

yang sebelumnya digunakan untuk pasaran tempatan untuk dieksport. Dengan sektor pembuatan diramal mencatat kadar pertumbuhan keluaran sebanyak dua angka dalam tahun 1996, ia dijangka menyumbangkan sebanyak 34.6% daripada KNK untuk tahun 1996.

Pertumbuhan pengeluaran **sektor pertanian** diramalkan sederhana dalam tahun 1996 iaitu 2.8%, disebabkan jangkaan kemerosotan pengeluaran getah dan kayu-balak. Kenaikan pengeluaran getah pada tahun 1995 adalah akibat kenaikan harga getah yang ketara dan ini dijangka tidak akan kekal dalam tahun 1996 memandangkan kestabilan harga pada tahap lemah dan masalah kekurangan tenaga kerja yang dihadapi sekian lama. Pengeluaran kayu balak dianggarkan terus merosot pada tahun 1996, kerana usaha membangunkan sumber hutan pada tahap yang mampan. Walau begitu, keluaran sektor minyak kelapa sawit diramalkan terus meningkat akibat penambahan kawasan pokok-pokok yang matang.

Pertumbuhan keluaran sektor **perlombongan** dijangka sederhana bagi tahun 1996 iaitu pada kadar 2.9%, dimana pengeluaran minyak mentah diramalkan kekal pada tahap 1995 sebanyak 694,300 tong sehari, selaras dengan Dasar Susutan Negara. Pengeluaran timah dijangka merosot disebabkan penutupan lombong-lombong dan masalah kekurangan tenaga kerja. Pertumbuhan positif sektor perlombongan dalam tahun 1996 adalah dijangkakan dari peningkatan sebanyak 18.4% keluaran gas dan peningkatan dua angka keluaran kuari kerana sektor pembinaan diramalkan terus berkembang, walaupun kurang cergas daripada pertumbuhan pada tahun 1995.

Dengan pertumbuhan yang perlahan dalam pembentukan modal pada tahun 1996, pertumbuhan sektor **pembinaan** dijangka sederhana pada 11.8% berbanding 15.2% dicatatkan pada 1995. Pembinaan projek-projek besar dan pembinaan kilang-kilang dan rumah-rumah kediaman, khususnya untuk kos rendah dan sederhana, menyumbang kepada pertumbuhan output sektor ini. Walaupun begitu, aktiviti pembinaan kediaman mewah, lot-lot kedai dan rumah kedai dijangkakan lembab sedikit akibat kawalan bagi membendung spekulasi dan mengawal inflasi aset. Kawalan ini dijangka akan mendorong pemaju untuk membina lebih banyak hartanah yang lebih mampu dibeli khususnya bagi tujuan rumah-rumah kediaman.

Dengan pertumbuhan yang rendah dalam sektor utama ekonomi serta adanya kawalan ke atas peningkatan penggunaan swasta, perkembangan permintaan bagi keluaran sektor perkhidmatan diramalkan menjadi lebih sederhana. Sektor kecil yang dijangka mencatatkan pertumbuhan yang sederhana ialah jualan borong dan perniagaan runcit, hotel dan restoran, kewangan, insuran, hartanah dan perkhidmatan-perkhidmatan perniagaan. Oleh itu, pertumbuhan pengeluaran keseluruhan sektor **perkhidmatan** dijangka pada kadar 8.1% dalam tahun 1996.

Dengan keluaran sebenar meningkat sebanyak 8.5% dan harga barangan dan perkhidmatan meningkat secara sederhana, jumlah keseluruhan barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam negara pada harga semasa pengeluar dianggarkan sebanyak RM239.9 bilion bagi tahun 1996. Ini merupakan peningkatan sebanyak 12.3% berbanding dengan 15.1% untuk tahun 1995.

Permintaan Dalam Negeri

Memandangkan pertumbuhan **penggunaan swasta** meningkat pesat pada tahun 1995 dan kesan potensinya atas harga dalam negeri serta imbalan pembayaran, tindakan dasar ekonomi makro akan dibentuk untuk membendung kenaikannya dan menggalakkan tabungan supaya memantapkan imbalan sumber dan mengawal tekanan inflasi. Justeru itu, pertumbuhan penggunaan swasta dalam harga semasa pada tahun 1996 dijangka menurun kepada 12.5% daripada pertumbuhan sebanyak 17.7% pada tahun 1995.

Pertumbuhan **perbelanjaan modal sektor swasta** dijangka menurun kepada 11.4% selepas meningkat sebanyak 20.9% pada tahun 1995. Penyederhanaan ini dijangka muncul sebahagiannya daripada sektor pembinaan. Pelaburan baru bagi pembinaan harta tanah komersial akan dipengaruhi oleh kemungkinan kelebihan penawaran ruang pejabat dan lot runcit. Bagi sektor perkilangan, kelembapan pertumbuhan pelaburan adalah dijangkakan dari industri keluaran elektrik dan elektronik, makanan, minuman dan tembakau, keluaran bukan logam serta keluaran getah dan plastik, memandangkan kelulusan pelaburan yang lebih rendah untuk industri-industri ini pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, pelaburan yang bertambah dijangka dalam industri

kimia dan keluaran kimia, keluaran logam asas dan dibentuk serta jentera dan kelengkapan pengangkutan.

Dasar fiskal berhemat memerlukan pertambahan **penggunaan awam** disederhanakan pada tahap 5.1%, berbanding dengan 8.5% pada 1995. Peningkatan penggunaan awam pada tahun 1996 adalah terutamanya untuk emolumen, khususnya bagi perkhidmatan penting seperti pendidikan dan kesihatan, serta perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan bagi penyelenggaraan biasa dan kerja-kerja baik pulih.

Pelaburan sektor awam dalam harga semasa dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan, iaitu 14% pada tahun 1996, berbanding dengan anggaran peningkatan sebanyak 17.1% pada tahun 1995, terutamanya disebabkan peningkatan pelaburan oleh PABK. Perbelanjaan pelaburan PABK dijangka menyumbang 55% daripada jumlah pelaburan awam. Kerajaan am, khususnya Kerajaan Persekutuan, tidak mempunyai rancangan bagi meningkatkan perbelanjaan pembangunannya dengan ketara. Projek-projek baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh tidak dijangkakan mempunyai kesan besar terhadap keseluruhan pelaburan sektor awam pada tahun 1996. Peningkatan pelaburan awam kerajaan am adalah sebahagian besarnya untuk pembangunan infrastruktur dan sumber manusia bagi menyokong proses perindustrian.

Permintaan agregat dalam negeri dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 1996, sebanyak 10.8% kepada RM244.8 bilion, berbanding dengan kenaikan sebanyak 17.7% pada tahun 1995. Penyederhanaan pertumbuhan permintaan dalam negeri diramal akan mengurangkan jurang perbelanjaan dan pendapatan negara daripada RM18.5 bilion (9.2% daripada KNK) pada tahun 1995 kepada RM17.5 bilion (7.7% daripada KNK). Jurang ini terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan asing, khususnya pelaburan, dan ianya dijangka akan dibiayai sepenuhnya oleh keuntungan tertanggung syarikat-syarikat asing dan aliran masuk modal asing baru.

Permintaan Luar Negeri

Dengan jangkaan penyederhanaan permintaan dalam negeri kepada tahap yang lebih mampan, **import barangan dan perkhidmatan bukan faktor**

diramalkan meningkat dengan kadar lebih perlahan, sebanyak 16.8% bagi tahun 1996. Pertumbuhan import barangan pelaburan dijangka menurun dengan ketara kepada 17.6% memandangkan ramalan penyederhanaan pertumbuhan perbelanjaan modal oleh sektor awam dan swasta. MAS dijangka tidak akan membuat pembelian kapal terbang baru selepas memperolehi 10 pesawat Airbus pada tahun 1995. Bagi MISC, import modalnya dijangka menurun sebanyak 87.4% daripada RM704 juta kepada RM89 juta bagi tahun 1996. Selaras dengan pertumbuhan keluaran sektor perkilangan yang lebih perlahan, pertambahan import barangan perantara dijangka sederhana. Begitu juga perkembangan import barangan penggunaan diramalkan menurun memandangkan kemungkinan Kerajaan memperkenalkan tambahan peraturan untuk menggalakkan tabungan dan mengawal tekanan inflasi dalam ekonomi. Justeru itu, jumlah import dagangan diramalkan meningkat pada tahap lebih perlahan sebanyak 17.4% kepada RM212.9 bilion. Dengan pertumbuhan import barangan, pembentukan modal dan keluaran keseluruhan dijangka perlahan secara sederhana pada tahun 1996, import perkhidmatan berkaitan seperti tambang, insurans, pengangkutan udara, khidmat perundingan dan profesional dijangka meningkat dengan kadar perlahan. Peningkatan yang lebih perlahan bagi import perkhidmatan ini adalah juga disebabkan oleh perkembangan kapasiti dalam negeri baru-baru ini untuk industri pengangkutan udara, perkapalan dan penginsuranaan semula bagi mengganti import perkhidmatan berkaitan.

Pertumbuhan **eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dijangka lebih perlahan pada 18.6% terutamanya disebabkan kemerosotan pendapatan eksport daripada sektor pertanian. Eksport barangan diramalkan meningkat sebanyak 18.4% kepada RM214.3 bilion, disokong oleh kemantapan pertumbuhan eksport barangan perkilangan. Peningkatan kapasiti pengeluaran dan kemampuan pesanan luar negeri dijangka akan menyebabkan peningkatan nilai eksport perkilangan sebanyak 23% pada tahun 1996. Sebaliknya, eksport komoditi pertanian utama diramalkan merosot sebanyak 8.8% disebabkan oleh jangkaan kelemahan harga-harga komoditi pertanian utama seperti getah, minyak kelapa sawit dan kayu balak. Pertumbuhan eksport sektor perlombongan dijangka berkurangan kepada 2.2% (1995:10%), oleh kerana harga petroleum mentah dan gas asli cecair dijangka lemah manakala jumlah

eksport petroleum mentah diramalkan merosot sedikit. Walau bagaimanapun, eksport perkhidmatan bukan-faktor diramalkan terus teguh, meningkat sebanyak 19.4%, menunjukkan kesan daripada usaha-usaha negara untuk membina kapasiti negara untuk berdagang dalam perkhidmatan, khususnya tambang dan insuran serta pengangkutan udara dan pelancongan.

Imbangan Pembayaran

Dengan eksport barangan diramalkan meningkat lebih cepat berbanding dengan import, **akaun dagangan** dijangka mencatatkan lebih sebanyak RM1.4 bilion bagi tahun 1996. Namun begitu, **akaun perkhidmatan** imbangan pembayaran dijangka mencatatkan defisit yang lebih besar iaitu RM18.8 bilion, disebabkan oleh peningkatan aliran keluar pendapatan pelaburan berikutan pertumbuhan pendapatan pada tahun 1995. Kenaikan aliran keluar bersih tambang dan insuran serta khidmat perundingan dan profesional adalah diramalkan, memandangkan kekurangan kapasiti dalam negeri untuk memenuhi peningkatan permintaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan ini. Namun begitu, lebihan yang besar dijangka daripada pengangkutan udara dan lain perkhidmatan berkaitan, disebabkan perkembangan kapasiti penerbangan negara baru-baru ini, dan pelancongan hasil daripada jangkaan peningkatan bilangan para pelancong yang akan melawat Malaysia. Justeru itu, **akaun semasa** imbangan pembayaran dijangka mencatatkan defisit yang lebih kecil berjumlah RM17.1 bilion (7.5% daripada KNK) pada tahun 1996. Defisit ini tidak dijangkakan mempunyai kesan besar kepada kedudukan rizab negara atau pun tanggungan luar negeri jangka panjang kerana defisit ini dijangka akan dibiayai sepenuhnya oleh pelaburan langsung asing serta keuntungan tertanggung.

Kedudukan Kewangan Sektor Awam

Dasar fiskal berhemat akan terus diamalkan dalam tahun 1996 demi mencapai belanjawan berimbang, mengawal tekanan inflasi, memperbaiki imbangan pembayaran dan mewujudkan masyarakat penyayang. Dalam konteks ini, Kerajaan Persekutuan akan mengawal ketat perbelanjaan bagi perbelanjaan mengurus, kecuali perkhidmatan penting seperti pendidikan dan kesihatan. Dalam peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan, keutamaan akan diberi kepada

pembangunan infrastruktur, pembangunan sumber manusia, asas teknologi dan sains untuk negara, sektor luar bandar serta menghapuskan kadar kemiskinan.

Kedudukan belanjawan Kerajaan Persekutuan dijangka diperkukuhkan dalam tahun 1996, dengan jumlah hasil diramalkan akan meningkat. Kawalan akan dilakukan ke atas perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan operasi. Didorong oleh kemantapan pertumbuhan ekonomi, **hasil Kerajaan Persekutuan** dijangka meningkat sebanyak 7.9% dalam tahun 1996 kepada RM54,376 juta, hasil daripada cukai langsung dan tak langsung dijangka lebih kukuh. **Perbelanjaan mengurus** dianggarkan meningkat 3.8% kepada RM39,766 juta untuk membiayai perkhidmatan penting dan penyelenggaraan. Oleh itu, akaun semasa dijangka mencatat lebih lebih besar sebanyak RM14,610 juta pada tahun 1996 berbanding RM12,088 juta pada tahun 1995. Lebih akaun semasa dijangka dalam tahun 1996 adalah lebih dari cukup untuk membiayai **perbelanjaan pembangunan** sebanyak RM12,501 juta. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat **lebih belanjawan** kali keempat berturut-turut dalam tahun 1996, berjumlah RM2,109 juta.

Kedudukan kewangan sektor awam yang disatukan diramalkan bertambah baik dalam tahun 1996, berikutan daripada peningkatan lebih akaun semasa sektor kerajaan dan lebih operasi Perusahaan Awam Bukan Kewangan. Hasil sektor kerajaan dijangka meningkat sebanyak 7.3% manakala perbelanjaan mengurus dijangka meningkat hanya sebanyak 3.2%. Oleh itu, imbalan akaun semasa sektor kerajaan dianggarkan meningkat 20.2% kepada RM17,658 juta. Lebih yang besar adalah konsisten dengan dasar Kerajaan dalam mengawal perbelanjaan, untuk maksud membendung tekanan inflasi, serta meningkatkan tabungan sektor awam semasa prestasi hasil menggalakkan. Dengan ramalan pertumbuhan ekonomi sebanyak 8.5%, sebahagian besar PABK dijangka mengekalkan lebih operasi yang kukuh pada tahun 1996. Oleh itu, **akaun semasa** sektor awam yang disatukan pada tahun 1996 dijangka mencatat lebih yang tinggi sebanyak RM28,755 juta atau 14.3% lebih tinggi daripada tahap tahun 1995. **Perbelanjaan pembangunan** sektor awam dijangka berkembang pada kadar yang lebih rendah, iaitu 9.2% kepada RM35,596 juta untuk tahun 1996 (1995 : 28%). Peningkatan yang perlahan ini adalah berikutan

daripada kadar kenaikan yang lebih perlahan bagi perbelanjaan pembangunan bagi kedua-dua sektor, iaitu Kerajaan Persekutuan dan PABK yang kedua-duanya menyumbang 80.3% kepada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan sektor awam. Oleh yang demikian, **imbangan keseluruhan** akaun sektor awam yang disatukan pada 1996 dijangka mencatat defisit yang kecil sebanyak RM6,841 juta (3.0% daripada KNK), berbanding defisit sebanyak RM7,437 juta (3.7% daripada KNK) pada tahun 1995.

Kedudukan Sumber Negara

Langkah-langkah bertujuan membendung kelebihan perbelanjaan penggunaan dan menggalakkan tabungan yang dijangka akan diumumkan dalam Belanjawan 1996 diramal akan mendorong peningkatan tabungan negara pada kadar 14.8% kepada 34.6% daripada KNK pada tahun 1996. Pertumbuhan pembentukan modal kasar sebaliknya dijangka menurun kepada kadar 10.4% kepada jumlah 42.1% daripada KNK. Ini adalah memandangkan perbelanjaan modal besar yang telah dibelanjakan oleh sektor swasta pada tahun 1995 bagi mengambil kesempatan elaan pelaburan semula yang lebih menggalakkan serta jangkaan kenaikan perbelanjaan modal sektor awam yang lebih perlahan pada tahun 1996. Oleh demikian, jurang tabungan-pelaburan negara diramalkan berkurangan dari 9% daripada KNK pada tahun 1995 kepada 7.5% daripada KNK pada tahun 1996. Jurang tabungan-pelaburan ini adalah terutamanya disebabkan pelaburan oleh sektor swasta dijangka melebihi tabungan sebanyak 6.6% daripada KNK pada tahun 1996. Seperti dahulu, jurang ini yang disebabkan ini oleh pelabur asing akan dibiayai dengan pelaburan semula keuntungan mereka sendiri dan juga dengan aliran masuk modal baru. Dengan jangkaan sektor awam mencatatkan lebih yang mantap bagi tahun 1996, di samping mengawal ketat pertumbuhan perbelanjaan modal, jurang sumber sektor awam diramalkan lebih kecil, berjumlah 0.9% daripada KNK berbanding dengan 1.7% pada tahun 1995. Jurang yang kecil ini disebabkan oleh PABK.

Harga Pengguna

Usaha perlu diteruskan bagi menangani tekanan inflasi pada tahun 1996, memandangkan keadaan guna tenaga penuh dan tahap penggunaan kapasiti pengeluaran sedia ada yang tinggi. Untuk mengawal tekanan ini langkah-langkah bertujuan

mengurus permintaan dan mengurangkan kekangan bekalan perlu diteruskan. Dalam hal ini, kawalan ketat terhadap belanjawan akan diteruskan, selain daripada dasar kewangan yang ketat. Langkah-langkah pentadbiran akan dikekalkan untuk memastikan amalan perniagaan yang lebih saksama dan menanamkan sikap perbelanjaan berhemat. Selain daripada itu, langkah-langkah baru dijangka diperkenalkan dalam Belanjawan 1996 untuk mengurangkan perbelanjaan penggunaan yang berlebihan dan, pada masa yang sama, menggalakkan tabungan. Pasaran modal akan terus dimajukan, termasuklah menggalakkan industri pengurusan dana bagi memastikan lebih banyak tabungan digerakkan untuk membiayai pembentukan modal. Ini akan membantu mengurangkan perbelanjaan yang tidak produktif dan mengurangkan tekanan inflasi serta dapat mengembangkan keupayaan pengeluaran ekonomi. Inflasi juga akan dikawal menerusi langkah-langkah yang bertujuan mengurangkan spekulasi dan pembelian harta-harta kediaman oleh warga asing. Ini akan memberi kesan positif dalam mengawal tekanan ke atas sewa. Pada masa yang sama, lebih banyak langkah-langkah akan diperkenalkan untuk mengurangkan kekangan bekalan serta meningkatkan kelonggaran pengimportan dan memperbaiki pengedaran barangan keperluan. Kesemua langkah-langkah ini akan membolehkan kadar inflasi pada tahun 1996 dikawal pada paras yang rendah.

Guna Tenaga

Pasaran buruh dijangka terus ketat memandangkan permintaan untuk tenaga kerja dijangka terus kukuh. Dengan kadar

pengangguran pada kadar 2.8%, ekonomi negara adalah beroperasi pada tahap guna tenaga penuh. Oleh itu, kekurangan tenaga kerja akan terus merupakan satu daripada isu-isu pengurusan ekonomi negara. Untuk mengatasi kekurangan buruh serta mengurangkan kos buruh seunit keluaran, industri harus memanfaatkan insentif-insentif yang sedia ada untuk beralih kepada proses pengeluaran yang berteknologi tinggi. Untuk memudahkan peralihan itu, sumber manusia yang terlatih dari segi teknologi adalah diperlukan. Dalam konteks ini usaha pembangunan sumber manusia akan dipertingkatkan, manakala kelonggaran akan terus diberi kepada pengambilan pekerja asing yang mahir dan profesional bagi memudahkan peralihan yang diharapkan.

Kesimpulan

Langkah-langkah untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada tahap mampan sebanyak 8.5% akan mengurangkan kekangan dalam ekonomi yang disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh sejak lapan tahun kebelakangan ini. Tekanan inflasi dijangka akan dapat dikawal oleh kerana permintaan dalam negeri dijangka akan lebih sederhana dan peningkatan kapasiti pengeluaran kebelakangan ini akan dapat mengurangkan kekangan penawaran. Kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran juga dijangka bertambah baik, dengan pertumbuhan import yang semakin perlahan. Oleh itu, asas-asas ekonomi Malaysia dijangka menjadi lebih kukuh dan membolehkan negara terus menikmati pertumbuhan yang mampan dengan harga yang stabil.